

**KELAS MENENGAH MUSLIM
DI MALAYSIA:
MERINTIS SEBUAH PENEROKAAN**

**BUKU HASIL PENYELIDIKAN ARUS PERDANA
'PENGEMBANGAN KELAS MENENGAH MUSLIM DAN
PEMINGGIRAN EKSTREMISME DI MALAYSIA'**

(KOD: UKM-AP-CMNB-03-2010)

**KELAS MENENGAH MUSLIM
DI MALAYSIA:
MERINTIS SEBUAH PENEROKAAN**

disunting oleh

WAN KAMAL MUJANI, Ph.D.

Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi • 2012

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2012
Hak cipta / *Copyright* Institut Kajian Rantau Asia Barat, UKM 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada IKRAB terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the IKRAB.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
INSTITUT KAJIAN RANTAU ASIA BARAT (IKRAB),
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 8921 3609/4722 Faks: +603 8921 3452

Atur huruf oleh / *Typeset by*
ABDUL QAYYUM ABDUL RAZAK
Mel-e: *qayyumfpi@yahoo.co.uk*

Reka bentuk kulit oleh
MOHD IRMAN MOHD ABD NASIR
Mel-e: *irman_teh@yahoo.com*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Kelas menengah muslim di Malaysia : merintis sebuah penerokaan /
Disunting oleh Wan Kamal Mujani
ISBN 978-967-0220-04-8
1. Middle classes—Malaysia. I. Wan Kamal Mujani, 1968-.
301.451990595

Kandungan

<i>Prakata</i>	7
<i>Pendahuluan</i>	9
<i>Senarai Penulis</i>	11

PERKEMBANGAN KELAS MENENGAH GLOBAL

Bab 1: Industrialisasi di Eropah dan Kesannya Kepada
Perkembangan Kelas Menengah
Mohd Irman Mohd Abd Nasir & Wan Kamal Mujani ... 15

Bab 2: Peranan ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia)
Sebagai Pelopor Kebangkitan Masyarakat Muslim Kelas
Menengah di Indonesia Pada Masa Orde Baru
Riki Rahman & Kamaruzaman Yusoff ... 29

KELAS MENENGAH MELAYU DI MALAYSIA: SEIMBAS PANDANG

Bab 3: Peranan Institusi Pendidikan Dalam Melahirkan Kelas
Menengah Melayu di Malaysia Sebelum dan
Selepas Merdeka
*Wan Hamdi Wan Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari &
Ahmad Munawar Ismail ... 49*

Bab 4: Kedudukan Kelas Menengah Melayu di Malaysia Dalam
Aspek Ekonomi Sejak 1900 Hingga Kini
*Mohd Yusrizal Yunus, Allawati Kasri &
Wan Kamal Mujani ... 73*

Bab 5: Kelas Menengah Melayu di Malaysia di Arena Politik
dan Sosial
*Nurul Asma Mazlan, Wan Kamal Mujani &
Noor Inayah Ya'akub ... 95*

- Bab 6: Peran Agensi Kerajaan Wahana Mengembangkan Kelas Menengah Melayu
Allawati Kasri, Mohd Irman Mohd Abd Nasir & Wan Kamal Mujani ... 125

KELAS MENENGAH INDIA MUSLIM DI MALAYSIA

- Bab 7: Sejarah Kedatangan Masyarakat India Muslim di Malaysia
Mohd Irman Mohd Abd Nasir, Wan Kamal Mujani & Azmi Aziz ... 139
- Bab 8: Sumbangan Masyarakat India Muslim di Malaysia Dalam Aspek Ekonomi, Politik dan Sosial
Wan Kamal Mujani, Wan Hirwani Wan Hussain & Nurul Atiqah Jamalludin ... 169
- Bab 9: Sumbangan Masyarakat India Muslim Kepada Pembangunan Ekonomi Masyarakat Melayu di Malaysia
Mohd Irman Mohd Abd Nasir, Abdul Qayyum Abdul Razak & Wan Kamal Mujani ... 189
- Bab 10: Analisis Terhadap Jenis Bahasa Masyarakat India Muslim di Malaysia dan Hubungannya Dengan Tempat Asal Kedatangan Mereka
Wan Kamal Mujani & Mohd Irman Mohd Abd Nasir ... 207

KELAS MENENGAH CINA MUSLIM DI MALAYSIA

- Bab 11: Sejarah Ringkas Perkembangan Masyarakat Cina Muslim di Malaysia
Abdul Qayyum Abdul Razak, Wan Kamal Mujani & Allawati Kasri ... 219
- Bab 12: Sumbangan Masyarakat Cina Muslim di Malaysia
Mariam Farhana Md Nasir, Wan Kamal Mujani & Ezad Azraai Jamsari ... 241
- Bab 13: Aktivitisme Politik dan Sosial Masyarakat Cina Muslim di Malaysia
Abdul Qayyum Abdul Razak & Wan Kamal Mujani ... 259

Prakata


Bismillahirrahmanirrahim. Setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah (s.w.t.) atas limpah dan rahmat-Nya, selawat dan salam buat Nabi Muhammad (s.a.w.) serta keluarga Baginda.

Buku Kelas Menengah Muslim di Malaysia: Merintis Sebuah Penerokaan ini merupakan salah satu penerbitan yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidikan Arus Perdana (UKM-AP-CMNB-03-2010) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Wan Kamal Mujani. Ia lebih bersifat pengenalan kepada ketiga-tiga golongan kelas menengah Muslim di Malaysia iaitu Melayu, India dan Cina yang merangkumi aspek sejarah perkembangan, peranan dalam politik, ekonomi dan mobiliti sosial mereka. Di samping itu, ia juga membicarakan tentang perkembangan kelas menengah global.

Di kesempatan ini saya merakamkan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Wan Kamal Mujani serta para penyumbang makalah dan ahli penyelidik yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Buku ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi bidang tujahan Cabaran Membina Negara Bangsa. Saya juga mengharapkan buku ini dapat memberi nilai tambah kepada dunia akademik, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan isu-isu masyarakat kelas menengah Muslim. Semoga usaha akademik sebegini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

PROF. ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

Pengerusi, Nic Cabaran Membina Negara Bangsa (CMNB)
Pengarah Pengasas
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan.



Pendahuluan

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah (s.w.t.) atas limpah dan rahmah-Nya, selawat dan salam buat Nabi Muhammad (s.a.w.) tercinta, juga kaum keluarga Baginda, para Sahabat (r.a.) serta para Tabiin.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah meluluskan penyelidikan Arus Perdana ‘Pengembangan Kelas Menengah Muslim dan Peminggiran Ekstremisme di Malaysia’ (UKM-AP-CMNB-03-2010). Antara objektif utama penyelidikan ini ialah untuk: 1) mengemukakan definisi dan tafsiran sebenar kelas menengah Muslim di Malaysia termasuk sejarah kemunculan golongan ini, 2) mengenal pasti karakter dan kedudukan terkini mereka serta implikasi kewujudan mereka di Malaysia dari aspek ekonomi, politik dan sosial, dan 3) mengenal pasti keadaan politik dan ekonomi tempatan mahupun global yang boleh mempengaruhi mereka.

Buku ini menghimpunkan beberapa makalah yang telah dibentangkan di ‘Simposium Isu-isu Sejarah dan Tamadun Islam’ pada 8 hingga 10 April 2011, di samping beberapa makalah yang dihasilkan oleh para penyelidik mengenai kajian ini. Buku ini membincangkan tentang kelas menengah Muslim di Malaysia dalam empat tema utama, iaitu: 1) Perkembangan Kelas Menengah Global, 2) Kelas Menengah Melayu di Malaysia: Seimbab Pandang, 3) Kelas Menengah India Muslim di Malaysia dan 4) Kelas Menengah Cina Muslim di Malaysia.

Buku ini diharap dapat memberi manfaat kepada para pelajar, pensyarah, penyelidik dan masyarakat umum. Semoga pembacaan buku ini dapat menambah pengetahuan mengenai masyarakat kelas menengah Muslim di Malaysia. Akhir kata, sekalung penghargaan ditujukan kepada Y. Bhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin selaku Pengerusi, Nic Cabaran Membina Negara Bangsa yang memberi kepercayaan kepada kumpulan ini untuk menjalankan

penyelidikan Arus Perdana ini. Tidak lupa juga kepada Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek (IKRAB), Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (FPI), kumpulan penyelidikan Arus Perdana (UKM-AP-CMNB-03-2010), pembantu penyelidik, serta semua yang menjayakan penyelidikan dan penerbitan buku ini.

PROF. MADYA DR. WAN KAMAL MUJANI

Ketua Projek
Kumpulan Penyelidikan Arus Perdana 'Pengembangan Kelas
Menengah Muslim dan Peminggiran Ekstremisme di Malaysia'
(UKM-AP-CMNB-03-2010)

Timbalan Pengarah
Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Senarai Penulis

1. ABDUL QAYYUM ABDUL RAZAK, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. AHMAD MUNAWAR ISMAIL, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. ALLAWATI KASRI, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. AZMI AZIZ, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. EZAD AZRAAI JAMSARI, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam / Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. KAMARUZAMAN YUSOFF, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan / Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. MARIAM FARHANA MD NASIR, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. MOHD IRMAN MOHD ABD NASIR, Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia.
9. MOHD YUSRIZAL YUNUS, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. NOOR INAYAH YA'AKUB, Pusat Pengajian Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan / Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB).
11. NURUL ASMA MAZLAN, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

12. NURUL ATIQAH JAMALLUDIN, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
13. RIKI RAHMAN, Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia.
14. WAN HAMDI WAN SULAIMAN, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
15. WAN HIRWANI WAN HUSSAIN, UKM-Graduate School of Business, Universiti Kebangsaan Malaysia.
16. WAN KAMAL MUJANI, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam / Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia.

KELAS MENENGAH MUSLIM DI MALAYSIA

MERINTIS SEBUAH PENEROKAAN



Disunting oleh
Wan Kamal Mujani

KELAS MENENGAH MUSLIM DI MALAYSIA

MERINTIS SEBUAH PENEROKAAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah melahirkan kelas menengah Muslim yang terdiri daripada masyarakat Melayu, India dan Cina. Golongan ini mengalami perkembangan mobiliti sosial dari masa ke semasa dan mempunyai peranan yang besar dalam memajukan negara. Mereka bukan sahaja berfungsi dalam menggerakkan ekonomi negara, tetapi juga membawa perubahan dalam aspek politik dan sosial. Mereka berupaya membangunkan negara dan mencorakkan hala tuju nya lantaran 'suara' dan 'kekuatan' yang ada pada mereka.

Buku yang lebih bersifat pengenalan umum ini membincangkan tentang kelas menengah Muslim yang terdiri daripada ketiga-tiga golongan tersebut. Ia dibahagikan kepada empat tema utama iaitu perkembangan kelas menengah global, kelas menengah Melayu di Malaysia, kelas menengah India Muslim di Malaysia dan kelas menengah Cina Muslim di Malaysia. Antara topik yang dibincangkan dalam hal tersebut ialah sejarah perkembangan, peranan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial, kedudukan semasa serta peranan kerajaan dalam melahirkan golongan ini.

Wan Kamal Mujani (Ph.D.) ialah Profesor Madya di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam dan Timbalan Pengarah di Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah Sejarah Ekonomi Timur Tengah, Mediterranean & Levant dan Historiografi Islam. Selain itu, beliau juga menjalankan penyelidikan tentang isu-isu semasa seperti masyarakat Muslim kontemporari.



Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi
Bangi, Selangor, Malaysia

ISBN 978-967-0220-04-8



9 789670 220048

KELAS MENENGAH MUSLIM DI MALAYSIA

MERINTIS SEBUAH PENEROKAAN



Disunting oleh
Wan Kamal Mujani

KELAS MENENGAH MUSLIM DI MALAYSIA

MERINTIS SEBUAH PENEROKAAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun telah melahirkan kelas menengah Muslim yang terdiri daripada masyarakat Melayu, India dan Cina. Golongan ini mengalami perkembangan mobiliti sosial dari masa ke semasa dan mempunyai peranan yang besar dalam memajukan negara. Mereka bukan sahaja berfungsi dalam menggerakkan ekonomi negara, tetapi juga membawa perubahan dalam aspek politik dan sosial. Mereka berupaya membangunkan negara dan mencorakkan hala tuju nya lantaran 'suara' dan 'kekuatan' yang ada pada mereka.

Buku yang lebih bersifat pengenalan umum ini membincangkan tentang kelas menengah Muslim yang terdiri daripada ketiga-tiga golongan tersebut. Ia dibahagikan kepada empat tema utama iaitu perkembangan kelas menengah global, kelas menengah Melayu di Malaysia, kelas menengah India Muslim di Malaysia dan kelas menengah Cina Muslim di Malaysia. Antara topik yang dibincangkan dalam hal tersebut ialah sejarah perkembangan, peranan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial, kedudukan semasa serta peranan kerajaan dalam melahirkan golongan ini.

Wan Kamal Mujani (Ph.D.) ialah Profesor Madya di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam dan Timbalan Pengarah di Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah Sejarah Ekonomi Timur Tengah, Mediterranean & Levant dan Historiografi Islam. Selain itu, beliau juga menjalankan penyelidikan tentang isu-isu semasa seperti masyarakat Muslim kontemporari.



Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi
Bangi, Selangor, Malaysia

ISBN 978-967-0220-04-6



9 789670 220048

BAB 3

Peranan Institusi Pendidikan Dalam Melahirkan Kelas Menengah Melayu di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka

WAN HAMDI WAN SULAIMAN, EZAD AZRAAI JAMSARI &
AHMAD MUNAWAR ISMAIL

Pengenalan

Di Malaysia, ciri-ciri kelas sosial dalam masyarakat semakin berkembang. Masyarakat di dunia moden ini mula menilai kedudukan dan status individu melalui pencapaian pendidikan, kemahiran, pendapatan, harta milikan, keturunan, kedudukan politik, kuasa atau autoriti, anugerah atau darjat kebesaran yang dimiliki dan sebagainya. Persepsi atau pandangan individu terhadap kelas sosial begitu ketara. Individu yang mempunyai kuasa dan harta yang banyak lebih dipandang tinggi dalam masyarakat berbanding individu yang bekerja di ladang getah, bersawah atau makan gaji. Senario ini disebabkan oleh ketidakseimbangan pencapaian antara individu dalam masyarakat yang telah mewujudkan pengkelasan sosial.

Kemunculan kelas menengah telah dipersetujui oleh ramai sarjana dan penulis yang mengkaji tentang struktur dan susun lapis masyarakat Melayu sebelum dan selepas merdeka. Boleh dikatakan bahawa kemunculan kelas ini adalah kesan jangka panjang akibat daripada pelaksanaan dasar-dasar Inggeris dalam sistem pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Ini kerana daripada dasar-dasar Inggeris inilah, struktur dan susun lapis masyarakat Melayu berubah daripada struktur feodal kepada demokrasi (Sufean, 2004). Selain itu, banyak sistem-sistem pentadbiran Inggeris yang ditiru serta diamalkan dalam

pentadbiran Melayu. Salah satu elemen penting yang diambil oleh pentadbiran Melayu daripada sistem Inggeris ialah pendidikan.

Objektif penulisan ini adalah untuk mengetahui sejauh mana peranan institusi-institusi pendidikan dalam melahirkan kelas menengah Melayu di Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Jika dilihat sebelum merdeka, telah muncul beberapa institusi antaranya sekolah pondok, madrasah dan maktab-maktab bagi melahirkan golongan kelas menengah Melayu. Walaupun masyarakat kelas menengah tidak begitu ramai sebelum merdeka, tetapi mereka dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan kepada masyarakat pada ketika itu. Manakala peranan institusi-institusi selepas merdeka dalam melahirkan golongan kelas menengah Melayu telah menunjukkan perkembangan yang ketara. Selain itu, kewujudan peluang pendidikan telah melahirkan masyarakat yang hebat dan profesional dalam sesuatu bidang.

Definisi Kelas Menengah Melayu

Terdapat beberapa pendapat mengenai definisi kelas menengah Melayu. Ada yang berpendapat bahawa mereka ini berada di antara kelas tinggi dan kelas rendah. Bagi ahli ekonomi pula, golongan ini dikatakan mempunyai pendapatan yang tidak kaya dan tidak pula miskin.

Ringkasnya, kelas menengah Melayu ialah kelas yang terletak di tengah-tengah susun lapis masyarakat, antara golongan atasan (pemerintah) dengan golongan bawahan (yang diperintah). Pengelompokan kelas ini diukur dari segi punca pendapatan yang dinikmati dan latar belakang pendidikan yang diterima, bukan lagi berdasarkan darjat keturunan atau pangkat. Ukuran dari segi punca pendapatan adalah sesuatu yang biasa sebelum ini bagi menentukan kelas dalam masyarakat, tetapi ukuran berdasarkan pendidikan adalah merupakan satu ukuran yang baru, dan ia tepat digunakan sebagai ukuran pengelasan kelas menengah Melayu (Liang, 1989).

Menurut Nordin Selat (1978), kelas menengah Melayu memilih untuk mengikuti cara hidup orang Barat, bukan sahaja kerana mereka telah didedahkan dengan cara hidup begitu tetapi juga kerana imej dan prestij. Dengan mengikut gaya hidup seperti ini, imej dan prestij mereka dalam kalangan masyarakat tempatan akan menjadi tinggi, lantaran kemewahan hidup dan latar pendidikan yang baik. Golongan

ini biasanya memiliki rumah dan kereta besar, mempunyai orang gaji, seringkali bercuti di tempat-tempat peranginan, menghargai karya-karya Barat, memakai pakaian Barat (kot dan tali leher) dan lain-lain lagi.

Kelas menengah Melayu yang berpendidikan juga boleh diertikan sebagai mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan bermula daripada Ijazah Sarjana Muda hingga kepada Doktor Falsafah. Selain itu, mereka juga menyandang jawatan yang tinggi dalam pentadbiran dan berpendapatan lumayan. Antara profesion-profesion mereka adalah seperti pensyarah-pensyarah di universiti, guru-guru dan sebagainya (Liang, 1989).

Hubungan Pendidikan dan Kelas Menengah

Definisi Mobiliti Sosial

Mobiliti sosial merupakan pergerakan daripada satu tahap kelas sosial kepada tahap kelas sosial yang lain. Menurut Paul B. Horton dan Chester L. Hunt (1992), mobiliti sosial dapat diertikan sebagai suatu gerak perpindahan dari suatu kelas ke kelas yang lain. Pendapat ini dipersetujui oleh S. A. Wila Hucky (1982), yang menyatakan bahawa mobiliti sosial adalah sebagai pergerakan individu atau kumpulan dari suatu status ke status yang lain dalam masyarakat. Selain itu, beliau menjelaskan bahawa gerak sosial atau mobiliti sosial ialah suatu pergerakan dalam struktur sosial iaitu pola-pola tertentu yang mengatur organisasi suatu kelompok sosial. Struktur sosial mencakupi sifat-sifat hubungan sesama individu dan hubungan antara individu dengan kelompoknya.

Mobiliti sosial dapat dikelompokkan ke dalam dua kategori, iaitu *upward mobility* dan *downward mobility*. Contoh *upward mobility* adalah seperti perpindahan daripada kelompok masyarakat yang berpendapatan rendah kepada kelompok masyarakat yang berpendapatan tinggi. Manakala *downward mobility* pula ialah berlawanan dengan jenis mobiliti yang pertama. Contohnya, perpindahan kelompok masyarakat yang berpendapatan tinggi kepada masyarakat yang berpendapatan sederhana. Tujuan mobiliti sosial ini tidak lain adalah untuk menghapuskan jurang yang membezakan antara si kaya dan si miskin (Huky, 1982).

Pendidikan Sebagai Mobiliti Sosial

Pendidikan merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan. Tanpa pendidikan, seseorang akan menjadi lemah dalam menghadapi sesuatu keadaan. Dengan kata lain, seseorang memerlukan pendidikan untuk berjaya dalam kehidupan. Dalam konteks sekarang, aspek pendidikan dikatakan telah berkembang dengan pesat dan melahirkan ramai tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang, terutamanya golongan kelas menengah Melayu.

Pendidikan adalah asas kepada peningkatan kualiti hidup manusia dan merupakan faktor penting yang menentukan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Hubungan positif yang wujud antara tahap pendidikan dengan tingkat pendapatan boleh mewujudkan perbezaan pendapatan dalam kalangan pekerja. Hubungan tersebut juga boleh mempengaruhi darjah mobiliti sosial dan seterusnya mewujudkan fenomena ketidaksamaan dalam agihan pendapatan dan kemiskinan (Nor Aini, 2004).

Menurut pandangan fungsionalisme, pendidikan mempunyai peranan penting sebagai alat mobiliti sosial. Ianya berkait rapat dengan stratifikasi sosial. Pada hari ini, kedudukan kelas dan pekerjaan selalu menjadi pengukur mobiliti sosial. Peranan pendidikan sebagai mobiliti sosial sebelum kemerdekaan sangat terhad. Dasar pecah dan perintah Inggeris telah mengekalkan struktur stratifikasi masyarakat, di mana anak-anak setiap kaum masih meneruskan pekerjaan ibu bapa mereka. Ibu bapa daripada kaum Melayu sebenarnya tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Peruntukan Inggeris kepada sekolah-sekolah Melayu sangat kurang jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah Inggeris, dan kesannya ramai anak-anak Melayu tidak bersekolah. Hal ini adalah selaras dengan dasar-dasar Inggeris yang mahu menjadikan anak-anak Melayu sebagai petani seperti ibu bapa mereka (Nor Aini, 2004).

Sememangnya pendidikan menjadi asas dalam mobiliti sosial masyarakat Malaysia kerana kerjaya yang baik selalunya dikaitkan dengan pendidikan tinggi. Dengan kata lain, pendidikan berfungsi sebagai suatu proses penyelesaian untuk menempatkan seseorang dalam masyarakat sesuai dengan kemampuan dan keahliannya. Akan tetapi, untuk memastikan pendidikan dapat mempercepatkan proses mobiliti sosial dalam sebuah masyarakat, tentulah ada beberapa prasyarat yang wajar dipenuhi (Mohd Salleh, 1998).

Secara kesimpulannya, kita dapat melihat bahawa pendidikan dan masyarakat merupakan dua item yang saling berkaitan antara satu sama lain. Tanpa pendidikan, masyarakat tidak akan berupaya untuk memajukan diri dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Matlamat keseluruhan pendidikan adalah untuk melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, berakhlak mulia dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam setiap tugas atau pekerjaan yang dilakukan.

Peranan Institusi Pendidikan dalam Melahirkan Kelas Menengah Melayu

Sebelum Merdeka

Pendidikan, khususnya yang berbentuk bukan formal, dipercayai telah berkembang bersama-sama dengan penyebaran agama Islam di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu serta kepulauan Melayu pada abad ke-14M. Pedagang-pedagang Arab dan India yang beragama Islam yang datang ke kawasan Asia Tenggara telah menyebarkan agama Islam dan menjadi pelopor dalam memulakan usaha pendidikan bukan formal, iaitu dengan cara mengajar di rumah dan surau. Pendidikan bukan formal tersebut berlangsung sehinggalah wujudnya sekolah pondok yang menjadi institusi pertama dalam menyediakan pendidikan formal di Tanah Melayu.

Sebelum pendidikan tertanam dalam jiwa masyarakat Melayu atau dengan kata lain sebelum wujudnya institusi-institusi pendidikan, masyarakat Melayu umumnya melibatkan diri dalam bidang pertanian dan tiada persaingan ekonomi pada masa itu. Ekonomi masyarakat Melayu sebelum penjajahan secara asasnya berteraskan ekonomi sara diri. Kesannya, masyarakat Melayu pada ketika itu tidak memberi kesan yang besar dalam melahirkan golongan kelas menengah Melayu.

Pendidikan Berteraskan Agama

Penubuhan sekolah pondok telah berkembang ke semua negeri di Tanah Melayu termasuk Singapura. Walau bagaimanapun, organisasi dan reka bentuk sekolah pondok mungkin berbeza antara satu negeri dengan negeri-negeri yang lain. Secara umumnya, boleh dikatakan

bahawa sebelum merdeka telah wujud kesedaran dalam kalangan orang Melayu tentang pentingnya pendidikan, walaupun penekanan dan orientasinya adalah kepada pengajian agama Islam. Selain itu, boleh dikatakan bahawa sebelum penjajahan, belum terdapat sistem dan organisasi pendidikan berbentuk formal dan sistematik di negeri-negeri Tanah Melayu (Sufean, 2008).

Bagi membentuk institusi pendidikan yang menyediakan sistem pembelajaran yang formal, maka sekolah agama madrasah ditubuhkan untuk menyaingi sekolah-sekolah Inggeris dan venakular Melayu. Mereka yang memainkan peranan penting dalam mempelori institusi madrasah ini digelar sebagai Kaum Muda. Mereka telah berusaha membina sekolah agama madrasah bersifat moden di merata-rata tempat di Tanah Melayu. Melalui sekolah pondok dan madrasah ini, maka ramai golongan pertengahan dilahirkan seperti ulama dan Kaum Muda yang lahir untuk membangkitkan semangat rakyat bagi menentang penjajahan (Sufean, 2008).

Sekolah Pondok

Sekolah pondok merupakan sebuah institusi pendidikan agama yang menggunakan sistem pembelajaran tidak formal seperti yang dilalui oleh masyarakat Melayu Islam zaman dahulu. Sistem pendidikan pondok ini mempunyai sejarah yang tersendiri dan amat berjasa kepada bangsa Melayu kerana melaluinya, maka lahirlah golongan alim ulama Islam terdahulu. Boleh dikatakan institusi pondok ini telah memberi sumbangan yang amat besar kepada perkembangan tamadun masyarakat Melayu.

Sukatan pendidikan pondok waktu itu lebih menekankan pendidikan dan pengajian agama seperti Fiqah, Usuluddin, Tafsir, Syariah, Bahasa Arab dan sebagainya. Kebiasaannya, sistem pengajian pondok di Tanah Melayu lebih mementingkan hafazan sebagai kaedah pembelajaran, iaitu dengan menghafaz hukum-hukum Fiqah, Nahu, al-Quran dan Hadis. Sistem pengajian bercorak pondok ini banyak terdapat di Pantai Timur dan utara Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Patani. Contoh pondok-pondok tertua yang pernah wujud di Tanah Melayu adalah seperti Pondok Tok Kenali di Kelantan dan Pondok Pokok Sena di Seberang Perai (Ismail, 1991).

Setelah para pelajar berjaya menamatkan pengajian di pondok, maka mereka akan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di Makkah, India dan Mesir (Halim, 1980). Pada masa itu, sekolah pondok telah berjaya melahirkan masyarakat Melayu yang hebat dari segi ilmu agamanya, khususnya setelah mereka menuntut di Timur Tengah. Hal ini boleh dikatakan, pada masa itu masyarakat Melayu juga mampu menampung pelajaran anak-anak mereka untuk belajar di Makkah, India dan Mesir. Apabila kembali ke tanahair, mereka akan menjadi guru-guru agama yang dihormati. Selain itu, sekolah pondok juga telah memainkan peranan yang besar bagi melahirkan kelas menengah Melayu. Hal ini kerana setelah mereka pulang dari Timur Tengah, mereka akan menyumbang ilmu pengetahuan mereka kepada rakyat di Tanah Melayu (Mansor, 2010).

Di samping itu, graduan Melayu yang kembali dari Timur Tengah tersebut telah membawa pembaharuan dalam pemikiran, yang melihat agama dalam ruang lingkup yang lebih luas hingga memperkenalkan mata pelajaran akademik seperti Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains dalam pengajian di madrasah dan sekolah agama yang mereka dirikan. Mereka juga membicarakan kepentingan ekonomi dan politik masyarakat Melayu-Islam dalam media terbitan mereka. Mereka digelar sebagai Kaum Muda oleh golongan agama tradisional yang mendapat sokongan Sultan dan pentadbiran Inggeris (Mansor, 2010).

Sistem pengajaran dalam institusi pondok ini telah melahirkan ulama-ulama yang terkenal dari satu generasi ke generasi berikutnya. Ulama-ulama yang terdidik tidak hanya meneruskan kelangsungan hidup institusi pondok, malahan juga dikatakan terlibat dalam gerakan pemberontakan terhadap penjajah Inggeris di Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu (Mansor, 2010). Selain ulama, institusi pondok juga melahirkan kader-kader Islam. Setelah kembali berada di tengah masyarakat, mereka berperanan penting dalam membina dan memimpin masyarakat ke arah yang dikehendaki Islam (Ramli, 2006).

Meskipun kepimpinan golongan pertengahan masa kini dalam bidang agama kebanyakannya menerima pendidikan di Timur Tengah seperti Mesir dan Arab Saudi, namun sebahagian besar mereka ialah golongan yang pernah mendapat pendidikan daripada sistem pondok. Antaranya ialah Haji Wan Muhammad Haji Abdul Aziz, Pengarah JAKIM; Ustaz Mohd Taib Azamuddin, bekas Imam Besar Masjid Negara; Nakhaie Haji Ahmad, pengerusi YADIM dan Muhammad Daud Che Ngah, bekas pengarah di Tabung Haji (Hashim Fauzy, t.th.).

Penubuhan Madrasah

Memasuki abad ke-20M, sistem pendidikan Islam telah mengalami perubahan. Perubahan-perubahan yang berlaku bukan sahaja pada struktur pentadbiran tetapi juga dari segi bentuk, sifat dan kurikulum. Perubahan ini bukan bermaksud bahawa sekolah-sekolah pondok telah lenyap dan digantikan dengan institusi yang lain, sebaliknya institusi pondok tetap wujud tetapi alternatif pendidikan Islam yang lain kini bertambah dengan munculnya satu lagi institusi pendidikan Islam iaitu madrasah. Sejarah penubuhan madrasah ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan sebilangan orang Melayu daripada pelbagai keturunan yang pernah ke Tanah Arab dan Mesir, sama ada untuk menuntut ilmu agama ataupun melakukan lawatan ke sana pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M. Mereka ini kemudiannya terpengaruh dengan gerakan reformis Islam yang sedang bergerak hebat di kedua-dua negara tersebut. Golongan ini biasanya dikenali sebagai golongan reformis Islam atau Islah Islam. Dengan kata lain, golongan ini juga dikenali sebagai golongan pertengahan kerana membuat pembaharuan dengan membawa pengalaman mereka dari Timur Tengah (Mohamad Redzuan, 2004).

Madrasah adalah pembaharuan kepada sekolah pondok. Madrasah banyak ditubuhkan pada bahagian kedua abad ke-20M dan masih memberi penekanan terhadap pendidikan agama Islam. Namun demikian, sistem madrasah adalah lebih moden berbanding dengan sekolah pondok kerana telah memasukkan sukatan pelajaran baru seperti bahasa Inggeris, ilmu Hisab, Sejarah, ilmu Alam dan ilmu pertukangan tangan. Hal ini merupakan usaha untuk menyatukan unsur persekolahan Islam dan Barat dengan tujuan supaya pelajar-pelajar madrasah akan menjadi lebih terbuka. Hal ini juga akan memudahkan mereka mencari pekerjaan dan melanjutkan pelajaran ke sekolah kerajaan. Madrasah-madrasah ini banyak terdapat di kawasan Pantai Barat Tanah Melayu (Halim, 1980).

Seterusnya, selepas menamatkan pelajaran di madrasah, pelajar-pelajar akan menyambung pelajarannya di Sumatera, Makkah dan Mesir. Di tempat-tempat tersebut, pelajar-pelajar akan belajar selama bertahun-tahun dengan beberapa orang ulama yang terkenal. Ini akan mendedahkan mereka kepada pendidikan yang lebih mendalam dan tinggi, sehingga mereka didapati layak untuk menjadi ulama. Ulama inilah dikenali sebagai golongan kelas menengah Melayu. Hal ini

kerana sekembalinya ke tanahair, mereka akan menubuhkan sekolah-sekolah pondok atau madrasah-madrasah bagi memberi pendidikan Islam secara formal kepada anak-anak Melayu. Ceramah-ceramah agama juga diadakan di surau-surau atau masjid-masjid. Dengan cara ini, mereka dapat berbakti kepada masyarakat Islam (Halim, 1980).

Peranan mereka sangat penting bukan sahaja untuk mengembangkan ilmu agama, tetapi juga menjadi pemimpin masyarakat Melayu itu sendiri. Bagi orang Melayu, kaum ulama ini adalah golongan cendekiawan. Mereka mempunyai ilmu yang tinggi serta boleh melahirkan idea-idea yang boleh diikuti. Penghormatan yang tinggi ini kerap kali menjadikan golongan ulama sebagai penasihat-penasihat sosial, agama dan pentadbir negeri. Malah, golongan ulama merupakan perintis kepada kegiatan nasionalisme orang Melayu Semenanjung sebelum munculnya golongan yang berpendidikan Melayu dan Inggeris (Roff, 1967).

Golongan yang berpendidikan Melayu dan Inggeris ini dinamakan Kaum Muda yang juga tergolong sebagai kelas menengah Melayu. Mereka terdiri daripada para ulama yang telah terdedah dengan kegiatan reformasi Islam dan Pan-Islamisme di Timur Tengah. Gerakan Muhammad Abduh di Mesir juga disebar oleh Kaum Muda melalui madrasah-madrasah, akhbar serta majalah terbitan mereka (Roff, 1967).

Penubuhan Maktab

Institusi pendidikan merupakan gedung pengumpulan dan pembinaan ilmu dalam kalangan masyarakat. Lantaran itu, institusi pendidikan selalunya berkembang berdasarkan perkembangan semasa yang sedang melanda masyarakat, negara dan dunia amnya. Perkembangan bidang pendidikan ini telah berjaya menimbulkan semangat kebangsaan dan membangkitkan kesedaran rakyat di Tanah Melayu. Kesedaran selalunya terhasil daripada pembinaan ilmu yang bermula dengan strategi 'mencelikhurufkan' masyarakat. Strategi ini seterusnya membolehkan masyarakat Melayu memahami isu-isu semasa yang sedang rancak berkumandang sama ada yang melanda masyarakat setempat mahupun nasional. Era awal abad ke-20M merupakan zaman peralihan kesedaran masyarakat di seluruh Asia Tenggara. Institusi pendidikan yang wujud semasa era penjajahan yang melahirkan golongan kelas menengah Melayu antaranya ialah

Maktab Melayu Melaka (MMM), Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC).

Maktab Melayu Melaka (MMM)

Maktab Melayu Melaka dibuka pada 1 Mac 1900 dengan 24 orang penuntut sahaja. Maktab ini dikenali sebagai Malay College Malacca atau Maktabol Jawiah Melaka yang terletak di Bandar Hilir, Melaka. Namun, dalam kalangan guru-guru Melayu pada zaman itu ia dikenali sebagai Maktab Melayu Melaka (MMM). Bangunan ini sebenarnya telah dibina oleh kerajaan Belanda untuk dijadikan tempat kediaman pegawai-pegawai. Kemudian ia dijadikan *courthouse*, dan beberapa tahun kemudian dijadikan *rest house* sebelum dijadikan Maktab Melayu Melaka. Hari ini, bekas maktab tersebut telah dijadikan sebuah sekolah yang dikenali sebagai Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Hilir (Ramlah, 1991).

Maktab ini merupakan usaha pertama yang memperlihatkan adanya sedikit kesungguhan pihak British bagi mengendalikan sistem latihan yang teratur. Walaupun ia tidak dapat melatih ramai guru untuk sekolah Melayu, namun pusat ini telah memulakan tradisi latihan perguruan kebangsaan di Tanah Melayu. Dari maktab inilah munculnya kesedaran yang lebih padu daripada pihak British untuk menubuhkan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1922 dan Maktab Latihan Perempuan Melayu Melaka (MWTC) pada tahun 1935. Oleh itu, kajian terperinci terhadap Maktab Melayu Melaka bukan sahaja perlu untuk melihat sejauh mana kesungguhan dasar British terhadap pelajaran vernakular Melayu, tetapi juga untuk melihat peranannya terhadap pembangunan masyarakat Melayu pada zaman kolonial British (Ramlah, 1991).

Selama tempoh 22 tahun, maktab ini telah melahirkan tokoh-tokoh yang banyak memberi sumbangan besar terhadap kemajuan kesusasteraan, pelajaran, sosial dan siasah bagi masyarakat dan negara. Tokoh-tokoh inilah yang dikenali sebagai golongan kelas menengah Melayu. Antara tokoh sastera yang terkemuka ialah Ahmad Bakhtiar yang berjaya mendapat sijil pertama dan menjadi tenaga pengajar di Maktab Melayu Melaka. Antara buku-buku terkenal yang dikarangnya sekitar tahun 1930 dan 1940 ialah seperti *Darah Melaka*, *Keris Melaka*, *Falsafah Hang Tuah*, *Perwira Bentan* atau *Riwayat Hang Tuah di Selat Melaka* dan banyak lagi. Sekitar tahun 1950, beliau

bersama-sama dua orang rakannya telah menubuhkan sebuah badan percetakan yang dinamakan Jambangan Pujangga di Kuala Pilah (Shaharom, 1963).

Tokoh yang seterusnya adalah Mohammad Datuk Muda Linggi. Beliau menamatkan pengajian di maktab ini pada tahun 1905. Beliau telah mengajar di beberapa buah sekolah seperti Sekolah Kuala Pilah, Sekolah Johol dan Sekolah Repah, Tampin pada tahun 1906. Di samping mengajar, beliau turut berkhidmat di Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan. Sebelum bersara pada tahun 1933, beliau bertugas sebagai Guru Besar Sekolah Temiang, Negeri Sembilan. Inilah yang dikatakan golongan kelas menengah Melayu yang lahir dari Maktab Melayu Melaka (Ramlah, 1991). Hal ini kerana, selain menjadi guru di beberapa sekolah dan menjawat jawatan sebagai Guru Besar, beliau turut berperanan sebagai salah seorang pengasas *Majalah Guru* sehingga menjadikan beliau sebagai tokoh sastera tanahair. *Majalah Guru* merupakan satu-satunya majalah yang menampung tulisan dan hasil karya guru Melayu seluruh Semenanjung (Ramlah, 1991).

Maktab Melayu Melaka telah ditubuhkan dengan dua tujuan utama. Pertama, untuk melahirkan guru-guru bagi sekolah Melayu. dan kedua, guru-guru yang dikeluarkan itu diharapkan mempunyai latihan yang cukup memuaskan. Sumbangan Maktab Melayu Melaka ini kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) juga sangat jelas terutama dari segi tenaga pengajarnya. Guru-guru kanan MPSI seperti Ibrahim Datuk Muda Linggi, Abdul Rahman Mahyuddin, Abdul Hamid Hasan dan ramai lagi adalah datang daripada maktab ini (Ramlah, 1991).

Oleh itu, jelaslah bahawa Maktab Melayu Melaka (1900-1922) merupakan pusat latihan perguruan yang pertama dan menjadi perintis bagi pusat latihan perguruan yang berikutnya di Tanah Melayu iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris. Walaupun maktab ini hanya ditempatkan di Negeri-negeri Selat, namun ia telah melahirkan kira-kira 700 orang guru di seluruh Tanah Melayu (Ramlah, 1991).

Walaupun hanya 22 tahun Maktab Melayu Melaka ini beroperasi (iaitu bermula dari tahun 1900 hingga 1922), namun maktab ini telah melahirkan beberapa tokoh profesional atau golongan pertengahan seperti guru, pengarang karya yang terkemuka, penulis buku-buku untuk sekolah Melayu dan sebagainya.

Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)

Pada tahun 1905 Maktab Melayu Kuala Kangsar telah ditubuhkan atas dasar untuk memperkenalkan pendidikan Inggeris kepada anak-anak bangsawan Melayu berdasarkan rundingan di antara pembesar Melayu di Perak dengan R.J. Wilkinson. Maktab ini digelar *Malay Eton* kerana mempunyai kurikulum pendidikan Inggeris bercorak sekolah *Grammar* di England (Anon, 2004). Matlamat utama institusi ini adalah untuk mengekalkan elitisme dalam kalangan bangsawan Melayu dan melatih anak-anak mereka untuk bekerja dengan perkhidmatan kerajaan British. Penubuhan maktab ini mempunyai implikasi yang besar kepada masyarakat Melayu kerana ia menyedarkan orang Melayu golongan bawahan untuk turut serta mendapatkan pendidikan Inggeris (Nagendralingan & Ratnavadivel, 2007).

Pada awalnya, penubuhan maktab ini ialah untuk mendidik dan melatih golongan elit Melayu yang terdiri daripada kerabat diraja. Anak lelaki bagi orang kebanyakan sukar untuk mendapat tempat di institusi ini. Selepas kebangkitan nasionalisme orang Melayu pada sekitar tahun 1947, syarat kemasukan ke maktab ini dilonggarkan. Ini membuatkan semakin ramai anak-anak Melayu pada ketika itu berpeluang untuk menuntut di maktab tersebut. Kini anak Melayu yang terpilih berpeluang mengikuti pembelajaran peringkat menengah di maktab ini (Roff, 1994).

Mengikut W.R. Roff (1994), kerajaan Inggeris pada mulanya tidak mempunyai keyakinan terhadap kebolehan orang Melayu dalam pentadbiran. Namun, setelah berlakunya peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch yang menggambarkan ketidakpuasan hati pembesar-pembesar Melayu yang berasa dilupakan, kerajaan Inggeris telah mengambil keputusan untuk melibatkan mereka dalam pentadbiran. Bagaimanapun oleh kerana golongan aristokrat Melayu tidak begitu berkebolehan dalam sistem baru ini, jadi mereka perlu dilatih terlebih dahulu. Namun begitu, kerajaan Inggeris mengambil masa begitu lama untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan untuk melatih golongan ini. Oleh kerana itulah hanya pada awal abad ke-20M barulah terdapat segolongan generasi muda daripada kelas aristokrat Melayu yang benar-benar terdidik dengan pendidikan Barat dan terlatih untuk dilantik menjadi pegawai-pegawai birokrat di pelbagai jabatan (Azmah, 2001).

Golongan aristokrat yang disifatkan sebagai orang Melayu keturunan orang 'baik-baik' ini diberi peluang belajar dalam sebuah maktab khas untuk mereka iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Lulusan maktab ini akan diserap untuk bertugas dalam Perkhidmatan Awam Malaya (MCS). Antara lulusan maktab tersebut yang pertama ialah Raja Chulan. Penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ini bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan kerajaan, tetapi juga untuk mewujudkan atau membentuk sebuah masyarakat Melayu moden. Bermula dari sinilah wujudnya kelas menengah dalam kalangan masyarakat Melayu (Azmah, 2001). Mereka tinggal di kawasan bandar yang merupakan pusat pentadbiran. Bertepatan dengan hasrat untuk membentuk sebuah masyarakat Melayu moden, maka golongan kelas menengah Melayu ini telah diperkenalkan dengan corak dan gaya hidup moden kelas menengah di Eropah melalui pegawai-pegawai tadbir Inggeris yang bertugas di negeri-negeri Melayu (Nordin, 1978).

Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)

Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) ditubuhkan pada tahun 1922 dan terletak di Tanjung Malim, Perak. Ia merupakan sebuah maktab perguruan yang ditubuhkan bagi mendidik para pelatih dengan ilmu perguruan. Sebelum maktab ini menukar namanya kepada Maktab Perguruan Sultan Idris, ia lebih dikenali sebagai *The Sultan Idris Training College for Malay Teachers* atau ringkasnya SITC dan telah dirasmikan oleh Sir George Maxwell. Maktab ini merupakan institusi pendidikan tertinggi yang disediakan oleh pihak penjajah British untuk masyarakat Melayu waktu itu. SITC bukan sahaja telah melahirkan para guru yang dedikasi tetapi turut melahirkan tokoh-tokoh politik Melayu yang mampu menggegarkan persada politik Tanah Melayu, contohnya seperti Ibrahim Yaakub, Harun Aminurashid dan sebagainya (Jawatankuasa Penulisan, 1985).

Peranan SITC adalah untuk menaikkan semangat dan kesedaran masyarakat Melayu agar berjuang menentang penjajah. Melalui maktab ini juga kita dapat mengetahui peranan yang telah dimainkan oleh pengetua dan pensyarah-pensyarah SITC yang turut serta dalam meniupkan semangat nasionalisme dalam kalangan para penuntut Melayu. Antara mereka yang telah memainkan peranan tersebut ialah

O.T. Dussek, Abdul Hadi Haji Hassan, Haji Buyong Adil dan Harun Aminurashid (Jawatankuasa Penulisan, 1985). Di SITC juga ditubuhkan sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo pada tahun 1929. Lanjutan daripada pertubuhan tersebut akhirnya lahir Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. Fakta ini turut membuktikan bahawa idea dan semangat perjuangan KMM yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakub merupakan sebuah ilham yang tercetus di SITC. KMM turut diperkuatkan lagi dengan kehadiran tokoh-tokoh radikal seperti Onan Haji Siraj, Abdul Karim Rashid, Haji Othman Abdullah, Hassan Manan dan Isa Mohd. bin Mahmud di mana mereka ini merupakan lulusan dari SITC (Roff, 1994).

Tokoh-tokoh inilah yang menjadi golongan kelas menengah Melayu pada ketika ini. Hal ini kerana, merekalah yang membangkitkan semangat rakyat untuk menuntut kemerdekaan. Selain itu, dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki, mereka berjaya menubuhkan pakatan atau penubuhan terutama pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo.

Kesannya, apabila selesai belajar di SITC, penuntut-penuntut ini telah dihantar ke merata sekolah Melayu di negeri-negeri Melayu. Secara tidak langsung, ia mengembangkan fahaman semangat kebangsaan kepada murid-murid melalui pengajaran mereka. Antara contoh keluaran SITC adalah Ibrahim Haji Yaakob yang menubuhkan KMM pada 1938, di mana beliau telah membeli *Warta Malaya* di Singapura dengan bantuan kewangan dari Jepun. Beliau telah menjadi ketua pengarang dan menerbitkan rencana-rencana yang mengandungi isu-isu anti-British. SITC turut menerbitkan majalah *Cenderama* 1923 dan majalah *Guru* 1924 yang menyiarkan pendapat penuntut (Suntharalingam & Abdul Rahman, 1985).

Selain itu, graduan-graduan SITC juga telah menubuhkan Persatuan Sastera Melayu pada tahun 1923 untuk menggalakkan pertumbuhan sastera Melayu melalui novel *Melur Kuala Lumpur*, karya Harun Mohd. Amin. Karya-karya yang diterbitkan oleh ahli-ahli persatuan ini telah membangkitkan perasaan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu. Pada tahun 1929 dan 1930 pula, Ibrahim Yaacob semasa di SITC telah menubuhkan dua buah pertubuhan bercorak politik iaitu Ikatan Semenanjung Borneo dan Ikatan Pemuda Pelajar. Pertubuhan ini telah membangkitkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu supaya mereka sedar akan nasib buruk bangsa mereka. Keseluruhannya, kesemua usaha ini telah

menimbulkan kesedaran untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British (Suntharalingam & Abdul Rahman, 1985).

Selepas Merdeka

Sejak merdeka pada tahun 1957 hingga tahun 1960, corak dan struktur sistem pendidikan di Semenanjung Malaysia adalah mengikut rangka dasar yang ditetapkan oleh Laporan Razak (1956) dan Ordinan Pelajaran 1957 (Sufean, 2004). Jika tahun 1957 hingga 1970 dikira sebagai era penyusunan semula, maka tahun 1970 hingga 1990 merupakan era pembangunan dan kemajuan bagi sistem pendidikan. Perkara ini dapat dilihat melalui rancangan-rancangan yang dijalankan, dari Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) hingga Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) yang bertujuan untuk mempertingkatkan mutu dan kuantiti sistem pendidikan bagi memenuhi kehendak pembangunan sosial, ekonomi, politik dan perkembangan individu (Sufean, 2004). Melalui rancangan yang dilancarkan inilah banyak sekolah dan institusi pendidikan ditubuhkan bagi melahirkan golongan menengah dan sekali gus menyumbangkan kemahiran atau mobiliti kepada negara. Aspek pendidikan dalam perkembangan kelas menengah Melayu selepas merdeka ini terbahagi kepada dua antaranya pendidikan berteraskan akademik dan pendidikan berteraskan kemahiran.

Pendidikan Berteraskan Akademik

Pendidikan Menengah Tinggi

Pendidikan menengah tinggi atau Tingkatan Enam merupakan pendidikan prauniversiti selama dua tahun untuk pelajar yang lulus dengan cemerlang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau *Malaysian Certificate of Education* (MCE). Pada akhir Tingkatan Enam Atas, pelajar mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau *Higher School Certificate* (HSC). Terdapat hanya jurusan akademik sahaja pada peringkat menengah tinggi yang terbahagi kepada aliran sains dan sastera (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980).

Kurikulum pendidikan menengah tinggi menyediakan pelajar dengan pengetahuan akademik untuk memasuki universiti. Pelajar

dalam aliran sains mengambil mata pelajaran Matematik, Matematik Tulen, Fizik, Kimia, Biologi dan Kertas Am, sementara pelajar dalam aliran Sastera terbahagi kepada dua iaitu aliran sastera dan agama. Antara mata pelajaran aliran Sastera ialah Matematik, Sejarah Asia Tenggara, Sejarah Islam, Geografi, Ekonomi, Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Kesusasteraan dan Kertas Am. Manakala untuk aliran agama, mata pelajarannya ialah Kertas Am, Usuluddin, Syariah, Sejarah dan Bahasa Arab (Sufean, 2008).

Memandangkan penjurusan yang ketat dalam pendidikan menengah tinggi, Laporan Kabinet (1979) telah mengusulkan agar penjurusan itu dilonggarkan sesuai dengan corak pensijilan terbuka bagi STPM serta berkesinambungan dengan kurikulum corak umum dan fleksibel dalam menengah atas. Dasar *destreaming* ini mula dilaksanakan pada tahun 1982 dan berlangsung sehingga kini (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980).

Sebagai kesimpulannya, pendidikan menengah tinggi merupakan satu agenda yang direncanakan oleh kerajaan untuk memudahkan pelajar yang tidak berjaya dalam pendidikan menengah atas iaitu SPM untuk menyambung pelajarannya ke peringkat lebih tinggi. Dengan wujudnya sistem pendidikan ini, maka peluang kepada pelajar yang tidak berjaya di peringkat SPM untuk meneruskan pengajian di peringkat menengah tinggi akan lebih terbuka dan sekali gus dapat membuka jalan untuk menjadi golongan kelas menengah serta menjadi golongan intelektual pada masa depan.

Pendidikan Tinggi

Matlamat pendidikan tinggi selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari segi mobiliti sosial dan ekuiti ekonomi bagi merapatkan jurang sosio-ekonomi antara kaum Bumiputera dengan bukan Bumiputera, antara masyarakat bandar dengan luar bandar, antara kawasan dan wilayah, dan antara golongan elit dengan orang kebanyakan. Mekanismenya ialah dengan cara mendemokrasikan pendidikan tinggi bagi meluaskan penyertaan pelajar-pelajar daripada golongan proletariat dari kawasan atau wilayah yang kurang maju. Mekanisme berkenaan mengikuti konsep 'kelayakan tinggi adalah passport untuk pekerjaan dan taraf hidup yang lebih baik'. Ini bermakna jika lebih ramai pelajar daripada golongan bawahan dari

luar bandar menyertai pendidikan, maka matlamat DEB akan lebih cepat dicapai (Sufean, 2008).

Setiap institusi pendidikan tinggi di Malaysia mempunyai falsafah mereka masing-masing. Oleh itu, ada baiknya ditinjau beberapa kenyataan formal falsafah tersebut. Antaranya ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyatakan secara formal falsafahnya sebagai: 'UKM mengukuh paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu (hakiki), proses pembinaan masyarakat terpelajar (terdidik) dan pembangunan Universiti'. Universiti Pertanian Malaysia atau lebih dikenali Universiti Putra Malaysia (UPM) menyatakan secara formal matlamatnya yang cenderung kepada aliran falsafah politik, iaitu falsafah pragmatism yang mengutamakan penyediaan kemahiran profesional dan kerelevanan usaha universiti dalam konteks pembangunan masyarakat. Bagi Universiti Utara Malaysia (UUM), falsafah yang ditetapkannya adalah: 'Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya' (Sufean, 2008).

Sebagai kesimpulannya, matlamat pendidikan tinggi dan falsafah pendidikan tinggi yang diletakkan di setiap institusi pendidikan seperti UKM, UPM dan UUM adalah untuk mewujudkan golongan kelas menengah Melayu yang ramai, berilmu dan beramal kepada Allah, profesional, berusaha untuk lebih maju dan mapan dalam mengejar cita-cita dalam pembangunan negara serta menyumbang ilmu yang diperolehi kepada negara.

Pendidikan Berteraskan Kemahiran

Sekolah Teknik

Sekolah teknik merupakan cabang daripada sistem persekolahan umum pada peringkat sekolah menengah. Oleh yang demikian, aliran persekolahan teknik ini boleh dianggap separas dengan sekolah tinggi. Perbezaannya dengan sekolah tinggi adalah dari segi kurikulumnya yang lebih menekankan latihan kemahiran perusahaan dan pertukangan. Tujuannya ialah untuk menyediakan kemudahan latihan kepada para pelajar yang cenderung menjurus ke lapangan itu, untuk mengisi keperluan para pekerja mahir yang akan sentiasa diperlukan

dalam bidang perusahaan di negara ini. Sekolah teknik menyediakan para pelajarnya dengan persediaan untuk melangkah ke alam pekerjaan yang berakhir dengan Sijil Sekolah Teknik. Meskipun tumpuannya khusus kepada latihan kemahiran, namun beberapa aspek pendidikan yang bersifat asasi haruslah disamakan dengan kurikulum sekolah tinggi. Lulusan sekolah ini kebiasaannya akan dilatih bekerja selama beberapa tahun. Selepas daripada itu, pelajar-pelajar yang mengikuti sekolah teknik akan ditawarkan untuk mengikuti latihan peringkat diploma sehingga ke peringkat doktor falsafah di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, institut-institut teknikal dan sebagainya. Sekolah teknik ini akan mendedahkan para pelajarnya kepada asas-asas kemahiran sesuatu bidang sebelum mereka menjadi pakar dalam bidang-bidang tertentu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Sekolah menengah teknik memberi peluang belajar kepada pelajar yang cenderung dalam bidang teknikal dan vokasional. Matlamatnya adalah untuk menyediakan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang mencukupi. Dengan adanya sistem pendidikan teknik, maka jalan kepada pelajar untuk menjadi seorang yang profesional dalam tenaga kerja pada masa akan datang akan terbuka luas dan sekali gus menjadikan pelajar itu tergolong dalam kelompok kelas menengah.

Sekolah menengah teknik menawarkan bidang vokasional seperti ekonomi rumah tangga, pertanian, pertukangan elektrik, mekanikal dan awam serta bidang teknikal termasuklah kejuruteraan elektrik. Antara sekolah menengah teknik yang cemerlang termasuklah Sekolah Menengah Teknik Dato Undang Hj. Md. Sharip (ekonomi rumah tangga), Sekolah Menengah Teknik Sri Manjung (ketukangan elektrik), Sekolah Menengah Teknik Muazam Shah (ketukangan awam), Sekolah Menengah Teknik Shah Alam (ketukangan mekanikal) dan Sekolah Menengah Teknik Cheras (kejuruteraan). Dengan wujudnya sekolah-sekolah teknik ini, maka lebih ramai pelajar dilahirkan menjadi golongan pertengahan, terutamanya masyarakat Melayu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Politeknik Awam dan Institut-institut Kemahiran

Politeknik awam menawarkan kursus dalam pelbagai bidang kerja separa profesional seperti seni bina, binaan bangunan, ketukangan

kayu, reka bentuk industri, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan automotif. Politeknik menawarkan kursus di peringkat sijil dan diploma. Selepas berjaya di peringkat diploma, pelajar-pelajar akan menyambung pelajarannya ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang tertentu, terutamanya dalam bidang kemahiran. Hasilnya politeknik merupakan perintis dalam melahirkan golongan menengah. Hal ini kerana politeknik awam disediakan kepada pelajar yang lemah, terutamanya yang tidak dapat menyambung pelajarannya di IPT dan IPTS. Setelah berjaya, pelajar ditawarkan ke peringkat lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda, dan inilah dikatakan perintis untuk melahirkan pelajar-pelajar yang hebat dalam seni kemahiran. Di samping itu, pelajar-pelajar ini juga akan menyumbang kemahirannya di sektor-sektor agensi kerajaan dan sekali gus akan melahirkan golongan pertengahan di Malaysia (Sufean, 2008).

Pada masa ini MARA dan beberapa kementerian telah membina beberapa institut kemahiran bagi tujuan memperkukuhkan program latihan tenaga kerja separa profesional dalam sektor kerajaan dan swasta. Institut Kemahiran MARA (IKM) di kebanyakan negeri menawarkan program pengajian peringkat diploma secara usaha sama dengan beberapa buah universiti awam. Kursus-kursus di IKM adalah dalam bidang kejuruteraan, pengurusan, perniagaan dan binaan (Rustam, 1994).

Selain itu, kerajaan juga membina beberapa buah politeknik dan institut kemahiran bagi melatih tenaga kerja separuh profesional dalam bidang kejuruteraan. Kini terdapat 12 buah politeknik yang mengendalikan program pengajian peringkat diploma dan sijil dalam bidang kejuruteraan mekanikal, elektrik, elektronik dan pemakanan. Di samping itu, kerajaan negeri tertentu melalui perbadanan negeri masing-masing telah membina institut-institut yang menawarkan kursus-kursus diploma dan sijil. Antara yang ulung ialah Institut Ihtisas Pahang (1991), Institut Teknik Tinggi Terengganu (1994) dan Kolej Universiti Terengganu (1999). Kementerian Sumber Manusia juga terlibat dalam penubuhan Institut Latihan Perindustrian di beberapa buah bandar seperti Kuantan, Labuan, Jitra, Perai, Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka, Pasir Gudang, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Institut ini menawarkan kursus-kursus dalam bidang percetakan, elektrokimia, pembuatan, instrumentasi, elektronik dan jentera berat (Malaysia, 2001).

Dua kementerian lain yang terlibat dalam penubuhan institut-institut kemahiran ini ialah Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian Kesihatan mengendalikan kursus-kursus separa profesional seperti radiografi, kejururawatan, inspektor kesihatan, fisioterapi dan farmasi. Kementerian Belia dan Sukan pula telah menubuhkan tujuh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di beberapa buah negeri. Institut berkenaan melatih belia tentang kemahiran kerja dalam bidang perdagangan, vokasional dan kesenian (Education Guide Malaysia, 2000).

Sebagai kesimpulan, dengan penubuhan politeknik dan pelbagai institut kemahiran ini, maka lebih banyak peluang pendidikan disediakan kepada golongan pelajar yang tidak berkemampuan dalam bidang akademik tetapi berkemampuan dalam bidang kemahiran. Politeknik dan institut-institut kemahiran merupakan pusat untuk melahirkan golongan-golongan profesional seperti jurutera, kontraktor, artisan dan sebagainya.

Universiti dan Kolej Berteraskan Kemahiran

Pada dekad 1990-an, banyak universiti dan kolej baru telah ditubuhkan. Antara universiti yang berasaskan kemahiran ialah seperti Universiti Telekom Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Multimedia, Universiti Perubatan Antarabangsa, Universiti Tun Abdul Razak, Universiti Industri Selangor dan Universiti Terbuka Malaysia. Selanjutnya, universiti-universiti luar negara juga turut memberi sumbangan dalam memperluaskan peluang pendidikan tinggi untuk pelajar-pelajar tempatan. Antara universiti dari luar negara yang mempunyai cawangan di Malaysia ialah Middlesex University, Northwood University, Monash University, Curtin University, University of Nottingham, University of East London, University of Swansea dan Western Michigan University. Seperti universiti tempatan, universiti-universiti luar negara ini juga mengendalikan program-program pengajian peringkat diploma, ijazah dan pasca siswazah dalam aliran akademik dan profesional iaitu melalui kolej-kolejnya di Malaysia (Education Guide Malaysia, 2000).

Universiti dan kolej swasta memberi tumpuan kepada program dan kursus yang mempunyai permintaan tinggi dalam sektor perindustrian, perdagangan, kejuruteraan elektronik, kejuruteraan

elektrik, sains komputer dan teknologi maklumat. Antara kolej swasta yang terkenal ialah Sunway College, Stamford College, Raffles College, KDU College dan banyak lagi (Rustam, 1994).

Perkembangan drastik pendidikan tinggi dalam dekad 1990-an telah membantu proses pengeluaran tenaga kerja bagi sektor awam dan swasta dalam proses pembangunan negara ke arah taraf negara perindustrian dan maju menurut gagasan mobilisasi pusat dalam Wawasan 2020. Pengeluaran tenaga kerja untuk perindustrian peringkat mahir dan separuh mahir telah meningkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Bagi tempoh 1995-2000, sejumlah 187,440 orang tenaga kerja mahir dan separuh mahir telah dikeluarkan oleh institut kemahiran awam dan swasta. Kerajaan telah membina tujuh buah institut kemahiran dalam tempoh tersebut. Negara-negara lain turut bekerjasama dalam pembangunan institut tersebut seperti Japan-Malaysia Technical Institute, German-Malaysian Institute, British-Malaysian Institute dan Malaysia-France Institute, yang menawarkan kursus-kursus pembangunan multimedia, kejuruteraan kajisawat dan kejuruteraan komputer (Malaysia, 2001).

Dengan penubuhan pelbagai universiti dan kolej serta pelbagai program kemahiran yang ditawarkan, Malaysia telah melahirkan pelajar-pelajar yang profesional khususnya pelajar-pelajar Melayu supaya dapat menyumbangkan idea kepakaran dan kemahiran kepada negara bagi menuju Wawasan 2020.

Kesimpulan

Memang tidak dinafikan bahawa kelas menengah Melayu telah wujud sebelum merdeka lagi. Sekolah pondok contohnya telah melahirkan tokoh-tokoh agama dan ulama seperti Syeikh Hadi yang merupakan seorang pelajar dari sekolah pondok. Selain itu, ulama dari sekolah pondok yang telah pulang dari menuntut ilmu di Timur Tengah juga membawa pembaharuan dalam menerapkan mata pelajaran baru seperti bahasa Inggeris, ilmu Alam, ilmu Hisab dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kewujudan golongan pertengahan pada masa itu tidaklah dalam profesion yang luas. Institusi tersebut hanya melahirkan golongan pengajar sahaja dan bukan golongan profesional-profesional yang lain.

Kelas menengah Melayu semakin berkembang setelah maktab-maktab ditubuhkan semasa penjajahan British seperti Maktab Melayu

Kuala Kangsar yang telah memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk dilatih menjadi golongan pentadbir. Melalui institusi tersebut, maka wujudlah kelas menengah moden dalam kalangan masyarakat Melayu.

Selepas merdeka, kerajaan mengambil beberapa langkah untuk memastikan masyarakat Melayu maju dalam bidang pendidikan dan menjadikannya sebagai mobiliti sosial untuk mengubah masyarakat Melayu mundur kepada moden dan bersaing dengan etnik-etnik yang lain. Ini dapat dilihat dengan matlamat pendidikan tinggi selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi antara kaum Bumiputera dengan bukan Bumiputera, antara masyarakat bandar dengan luar bandar, antara kawasan dan wilayah, dan antara golongan elit dengan golongan proletariat. Kesenambungan daripada dasar tersebut membuatkan kerajaan telah menubuhkan pelbagai institusi pendidikan untuk melahirkan golongan profesional seperti guru, pensyarah, jurutera, peguam, doktor dan sebagainya.

Rujukan

- Anon. 2004. *MCKK Impressions (1905-2005)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Education Guide Malaysia 2000*. 2001. Ed. ke-6. Petaling Jaya.
- Halim Man. 1980. Madrasah al-Khairiah al-Islamiah. Dlm. *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Fauzy Yaacob. T.th. *Sumbangan Ulama Pondok dalam Pembangunan Masyarakat: Kajian ke atas Dua Ulama Daerah Baling*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Horton, Paul B. & Chester L. Hunt. 1992. *Sociology*. New York: Mc Graw-Hill.
- Huky, S. A. Wila. 1982. *Pengantar Sosiologi*. Surabaya: Usaha Nasional.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Penulisan. 1985. *Sejarah Perkembangan Pendidikan Negeri Perak*. Ipoh: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Perak.
- Kamus Dewan*. 2007. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1980. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Mansor Mohd Noor. 2010. Islam dan kedinamikan lokal di Malaysia: adaptasi, harmoni dan konflik. Dlm. *Annual Conference on Islamic Studies*. Banjarmasin.
- Mohamad Redzuan Othman. 2004. Peranan dan sumbangan lulusan Mesir dalam masyarakat Melayu. Dlm. *Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Belia Islam Serantau di Malaysian Hall*. Kaherah.
- Mohd Salleh Lebar. 1998. *Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Selangor: Nurin Enterprise.
- Nagendralingan & Ratnavadivel. 2007. *The Social Origins of the Educational System in Peninsular Malaysia*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Aini Idris. 2004. Mobiliti sosial di kalangan generasi kedua Felda. *Akademika*, 64: 83-95.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ramlah Adam. 1991. *Maktab Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Percetakan Maziza Sdn. Bhd.
- Ramli Awang. 2006. *Perkembangan Institusi Pondok Di Nusantara: Pengaruhnya di Negeri Kedah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Roff, W.R. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Singapura: University of Malaya Press.
- Roff, W.R. 1994. *The Origins of Malay Nationalism*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rustam A. Sani. 1994. Melayu Baru dan bangsa Malaysia. Dlm. *Sistem Pendidikan dan Pembentukan Bangsa Moden: Satu Saranan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shaharom Husien. 1963. *Antara Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya, 'Ahmad Bakhtiar'*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Sufean Hussin. 2004. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suntharalingam R. & Abdul Rahman Ismail. 1985. *Nasionlisme Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Liang, Yap Beng. 1989. Stratifikasi sosial dan masyarakat Melayu. Dlm. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

